

13/06/2003

Pentadbiran PBT mesti cekap tangani masalah

Datuk Paduka Raja Wan Mahmood Pawan Teh

KAMI mengalu-alukan kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim ketika merasmikan mesyuarat agung Persatuan Penduduk-Penduduk Ampang Jaya, Selangor, hujung minggu lalu.

Penekanan beliau bahawa penduduk berhak mendapat perkhidmatan terbaik daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) kerana mereka membayar cukai adalah satu kenyataan yang tepat.

Adalah satu tindakan yang bijak, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir

Mohamad dan Kabinet membincang mengenai PBT, baru-baru ini.

PBT adalah pentadbiran kerajaan terdekat dengan rakyat pada peringkat akar umbi.

Baik atau buruk perkhidmatannya segera dirasakan oleh rakyat. Ini adalah nyata bahawa setiap PBT tidak terkecuali daripada menerima aduan berkenaan sesuatu perkhidmatan yang tidak memuaskan.

Apa yang penting bukanlah sama ada sesuatu PBT itu menerima aduan atau sebaliknya. Tetapi sama ada PBT berkenaan dapat mengatasi atau menjawab aduan berkenaan. Ini terpulanglah kepada kebijaksanaan Yang Dipertua (YDP) dan ahli majlis berkenaan menentukan yang setiap aduan diberi perhatian segera.

Apabila timbul sesuatu masalah seperti ketidakmampuan sesetengah PBT menangani soal cakera padat video (VCD) haram dan lucah atau mesin slot judi dan sebagainya, ia menarik perhatian media dan ramai yang akan menuding jari, menuduh itu dan ini.

Dalam keadaan yang sedemikian, perlulah kita fikir dengan cara yang matang bahawa bukan semua PBT atau pegawainya yang cuai dalam tanggungjawab mereka.

Di Malaysia, ada lebih 200 PBT, tentulah bukan semuanya gagal memberi perkhidmatan memuaskan.

Sebenarnya banyak lagi yang memberikan perkhidmatan memuaskan masyarakat seperti Majlis Perbandaran Selayang dan Majlis Perbandaran Petaling Jaya di Selangor.

Janganlah kerana setitik nila, rosak susu sebelanga. Tindakan PBT di Selangor menyahut seruan Menteri Besar, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo untuk mencapai objektif setinggi sifar dijalankan dengan cemerlang.

Kita perlu ambil kira bahawa pada zaman serba canggih ini, setiap PBT perlu sentiasa meningkatkan cara pentadbirannya jika hendak menangani masalah yang semakin mencabar.

Hakikatnya, sama ada dari segi masalah yang kian berubah dan rumit atau menjaga disiplin kakitangan yang semakin ramai, kemahiran pentadbiran sangat penting.

YDP dan ahli majlis adalah nadi yang menggerakkan sesebuah PBT ke arah prestasi tinggi atau sebaliknya.

Sekiranya YDP atau ahli majlis, dari kalangan kurang berpengalaman dan tidak berkhidmat sebagai satu pasukan, atau sekiranya mereka hanya berkhidmat untuk kepentingan diri sendiri, maka janganlah harap dapat mendidik kakitangan yang berkesan.

Memang tepat kata Rais, bahawa PBT bukan institusi politik, PBT ialah institusi berasaskan perkhidmatan.

Sebenarnya ini selaras dengan 'Athi Nahappan Report' yang mengkaji keadaan tempatan di seluruh negara selepas Peristiwa 13 Mei 1969. Selepas

itu kerajaan tidak lagi mengadakan pilihan raya majlis tempatan bagi mendapatkan ahli majlis tempatan, tetapi menyerahkan kepada Ketua Menteri/Menteri Besar untuk membuat pelantikan ke majlis PBT.

Ini untuk mengelakkan keseluruhan ahli PBT dari orang politik saja dan sekali gus menentukan ada sumbangan daripada golongan yang terkecuali dan banyak pengalaman.

Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia yang ramai ahlinya yang mempunyai pengalaman mantap dalam pentadbiran am dan PBT ketika berkhidmat dulu, sedia mencadangkan ahlinya yang sesuai di seluruh negara untuk menyumbang tenaga dalam PBT.

Dengan cara ini PBT pada keseluruhannya akan mencapai prestasi yang lebih tinggi.

DATUK PADUKA RAJA WAN MAHMOOD PAWAN TEH,
Pengerusi Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia,
Cawangan Negeri Selangor Darul Ehsan.